



ISU-ISU KONTEMPORARI PENYUSUAN
SUSU IBU

FWK

PROF MADYA DR
NORMADIAH BINTI DAUD

1. Penyusuan kepada anak angkat



Firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللهُ يَقُولُ الْحَقَّ
وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ

Maksudnya:

- Dan ia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak sendiri. (Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan ingatlah Allah menerangkan yang benar dan Dialah juga yang memimpin ke jalan yang betul

(al-Ahzab : 4)



Sebenarnya segala permasalahan ini boleh dielakkan dengan pemberian susu ibu kepada anak angkat tersebut. Walaupun susu ibu tidak mampu menjadikan anak angkat seperti anak kandung atau boleh mewarisi harta pusaka, namun ia berupaya mewujudkan ikatan sosial yang kuat dengan anak angkat dengan menghalalkan ikatan kekeluargaan mereka dan banyak masalah sosial boleh diatas.

Permasalahannya ialah apabila kebiasaan wanita yang tidak melahirkan anak sukar untuk mengeluarkan susu secara semula jadi. Justeru pelbagai kaedah boleh digunakan seperti kaedah urutan, mengambil pil atau suntikan untuk menggalakkan pengeluaran susu. Sekiranya dengan cara tersebut susu dapat dihasilkan dan anak tersebut sempat meminumnya lebih daripada lima kali kenyang, maka anak tersebut sah menjadi anak susuannya (www.e-fatwa.gov.my, 2011).





Dalam kehidupan manusia yang serba moden, pelbagai kaedah saintifik telah diperkenalkan untuk membantu manusia mencapai apa saja yang dihajati. Manusia tidak dapat menolak keupayaan ilmu yang dimiliki oleh para bijak pandai terutama dalam hal yang berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari termasuklah dalam soal penyusuan.

Para ibu boleh mencuba kaedah penyusuan teraruh atau lebih dikenali sebagai *induced lactation* yang telah dijelaskan sebelum ini. Selain daripada penyusuan teraruh terdapat satu lagi cara moden untuk membolehkan susu keluar dari badan ibu dengan lebih mudah walaupun tidak pernah melahirkan anak atau berkahwin iaitu dengan cara suntikan hormon penggalak susu.





Sekiranya kedua-dua cara ini masih belum mampu untuk mengeluarkan susu ibu, terdapat satu lagi inisiatif lain boleh dilaksanakan. Untuk keluarga yang mahu mengambil anak angkat lelaki boleh diusahakan untuk memberi susu ibu daripada adik-beradik ibu angkat tersebut. Dengan ini hubungan antara anak dan ibu angkat tadi ialah anak saudara susuan dan hubungan antara mereka adalah mahram susuan sama seperti hubungan antara anak saudara dan ibu saudara.

Manakala dengan suaminya pula pastilah tidak mendatangkan apa-apa masalah kerana anak angkat tersebut adalah lelaki. Manakala untuk anak angkat perempuan pula, susu ibu boleh diberikan daripada mana-mana adik beradik bapa angkat yang mempunyai susu. Maka dengan ini hubungan mahram akan terwujud antara anak dan bapa angkat yang kini telah bertukar sebagai anak dan bapa saudara susuan. Hubungan dengan ibu angkat juga akan selesai kerana anak angkat tadi adalah seorang perempuan.



2. ISU PENYUSUAN DARIPADA ORANG KAFIR ATAU MUSYRIK



Hukum asal penyusuan mereka adalah harus berdasarkan kepada firman Allah:

Yang Bermaksud:

Dan ibu-ibumu yang menyusui kamu dan saudara-saudara perempuan sepersusuan.(al-Nisa' : 23)



Nas-nas yang berkaitan dengan penyusuan tidak membezakan antara menyusu dengan wanita muslimah atau kafir. Perkara ini disebut dengan jelas oleh ulama Mazhab Maliki dan Hanbali serta tidak bercanggah dengan kaedah umum penyusuan dalam mazhab-mazhab lain. Dengan itu, jika seorang bayi muslim menyusu dengan wanita kafir dengan mencukupi syarat-syarat penyusuan menurut syarak, maka bayi tersebut menjadi mahram kepada kaum keluarga wanita penyusu tersebut.(Mawsu'ah Fiqhiyyah, 1992).



Namun begitu Imam Ahmad mengatakan bahawa menyusu dengan wanita pelacur dan musyrik adalah **makruh**. Ini kerana dibimbangi anak tersebut dipengaruhi dengan perbuatan keji wanita tersebut.

Dari sudut yang lain, dibimbangi anak tersebut akan merasa malu kerana pernah menyusu dengan wanita berkenaan lalu menimbulkan kesan buruk terhadap sikap dan tingkah lakunya. Manakala menyusu dengan wanita musyrik akan menjadikan wanita tersebut ibu susu kepadanya. Ini pula dibimbangi anak tersebut menjadi condong hati kepada wanita penyusu tersebut dan turut kasih agama wanita itu juga.



3. ISU PENYUSUAN TERARUH



Di Malaysia, terdapat dua kaedah yang biasa digunakan untuk penyusuan teraruh. Ini termasuklah kaedah tidak menggunakan ubat (rangsangan payudara) dan kaedah menggunakan ubat (rangsangan hormon) (Norsyamrina *et.al.*,2017). Kaedah rangsangan payudara termasuklah penggunaan pam susu dan penyusuan secara langsung kepada bayi.

Dalam kaedah menggunakan ubat, terdapat dua jenis ubatan yang boleh digunakan dalam rangsangan hormon penyusuan iaitu *contraceptives* dan *galactagogues*. Kaedah *contraceptive* digunakan untuk merangsang penghasilan hormon estrogen dan progesteron manakala *galactagogues* digunakan untuk memulakan dan menambahkan penghasilan susu.



Terdapat juga kaedah lain yang boleh digunakan untuk merangsang penghasilan susu bagi ibu yang tidak pernah menyusukan. Antara satu kaedah yang boleh digunakan adalah dengan menggunakan satu tiub kecil dan dimasukkan ke dalam botol yang mengandungi susu formula. Tiub ini akan ditampal dengan plaster ke puting payudara ibu. Botol susu pula diletakkan di celah ketiak ibu. Pada masa bayi menghisap puting payudara, dia akan turut menghisap tiub itu seperti menyedut minuman. Susu formula dari botol susu dialirkan melalui tiub masuk ke dalam mulut bayi. Secara tidak langsung bayi akan merasa seolah-olah menghisap susu ibu.

Cara ini merupakan satu kaedah rangsangan bagi menggalakkan pengeluaran susu ibu. Jika dilakukan secara berterusan, lama-kelamaan dengan cara ini susu sebenar akan keluar dari payudara ibu. Kaedah ini amat berkesan kerana dengan cara ini ibu dapat menyusukan bayi di dada sendiri walaupun yang diberi itu sebenarnya ialah susu formula.





Hukum Penyusuan Hasil Penggunaan Hormon Bagi Wanita yang Belum Berkahwin

Persoalan juga timbul apabila seorang wanita yang belum berkahwin tetapi hendak mengambil anak angkat. Lalu mereka mengambil hormon yang boleh menggalakkan pengeluaran susu lalu mereka menyusukan anak angkat mereka dengan susu tersebut supaya anak tersebut menjadi mahram kepada mereka. Apakah hukum dan implikasinya kepada pensabitan mahram anak tersebut?



Pandangan Muzakarah Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan bahawa wanita yang belum berkahwin tetapi mengambil pil atau suntikan hormon untuk menyusukan anak angkat mereka dibenarkan berbuat demikian. Menurut kenyataan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui e-fatwa (www.e-fatwa.gov.my, 2011), penggunaan ubat atau suntikan yang tidak mempunyai unsur haram untuk merangsang pengeluaran susu badan adalah harus dengan syarat wanita tersebut telah mencapai umur baligh sama ada telah berkahwin atau sebaliknya.

Bagaimanapun, katanya, keharusan tersebut tidak tertakluk kepada seorang lelaki yang mengubah jantina kepada wanita. Keputusan tersebut diambil berdasarkan pandangan majoriti ulama yang tidak mensyaratkan seseorang wanita itu mesti hamil terlebih dahulu untuk menyusukan anak. Ini adalah pendapat mazhab Hanafi, Maliki, Shafie, dan Hanbali (al-Sharbini, 1978; Ibnu Rushd, t.th.; al-Zarqa', 2004)



4. ISU BANK SUSU-DEFINISI




Bank Susu merupakan satu pusat pengumpulan susu ibu yang telah didermakan oleh para penderma. Penderma perlu disaring darahnya dan ditemubual sejarah kesihatan serta cara hidup bagi menjamin susu yang didermakan selamat dari sebarang kandungan virus dan bakteria.(Turner-Maffei, 2014).

Tanya juga merupakan pusat untuk penyaringan, pemprosesan, penyimpanan dan pengagihan susu ibu yang telah didermakan.Susu tersebut akan diagihkan kepada penerima yang bukan anak kandung penderma.(Dipak K Guha,2005) Susu juga diagih menurut preskripsi yang telah ditetapkan oleh pakar kanak-kanak.(Sandra T Robbins,2011)

ALIRAN PROSES DONOR HUMAN MILK BANK



CIRI-CIRI BANK SUSU DI BARAT



Susu diasingkan antara seorang penderma dengan penderma yang lain

Seseorang bayi akan menerima susu lebih dari seorang penderma

Semua rekod penderma dan penerima susu disimpan dengan baik

Namun begitu, penerima susu ibu tidak mengetahui siapa yang memberi susu kepadanya

penerima & penderma juga tidak diperkenalkan antara satu sama lain

KEPUTUSAN MAJMA' FIQHIYY 10 – 16 RABI'UL AKHIR 1406 BERSAMAAN 22 – 28 DISEMBER 1985

Majma' Fiqh Islami telah memutuskan tiga perkara penting daripada yang dinyatakan dalam keputusan tersebut:

1. Bank susu dibina atas kajian barat yang mana ia boleh menyebabkan berlakunya kesan negatif kepada masyarakat dan akhirnya eksperimen tersebut kurang mendapat sambutan.
2. Secara ijma', Islam mengiktiraf bahawa kesan penyusuan sama seperti nasab, ia mengharamkan apa yang diharamkan sebab nasab. Pada masa yang sama, Islam juga amat menjaga nasab, tetapi penubuhan bank susu membawa kepada pencampuran mahram susuan dan boleh merosakkan nasab dan keraguan.
3. Hubungan kemasyarakatan dalam dunia Islam masih dapat memenuhi keperluan bayi pra matang,. Bayi yang kekurangan berat atau bayi yang memerlukan susu ibu dalam kes-kes tertentu boleh mendapatkan susu secara langsung melalui khidmat ibu susuan. Ini adalah merupakan satu alternatif selain daripada penubuhan bank susu.


Berdasarkan faktor-faktor berikut, Majma' Fiqh Islami memutuskan:

- a) Menghalang pembinaan bank susu di seluruh negara Islam.
- b) Menggunakan susu daripada bank susu adalah haram hukumnya.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-97 yang berlangsung pada 15-17 November 2011





- Penubuhan bank susu ibu TIDAK DIHARUSKAN
- Harus bagi ibu-ibu menderma susu secara sukarela kepada bayi yang memerlukan, dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali antara satu sama lain
- Tindakan atau perbuatan yang boleh mendatangkan mudarat pada nasab atau keturunan perlu dielakkan
- Keperluan penubuhan bank susu ibu tidak berada dalam keadaan darurat





Muzakarah juga memutuskan bahawa bagi memenuhi keperluan **bayi pra-matang** yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah **harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta perderma perlu mengenali antara satu sama lain.**



KENAPA BANK SUSU DIPERLUKAN?



- Berlakunya peningkatan jumlah kelahiran bayi pramatang di Malaysia. Dilaporkan seramai **64, 620 bayi pramatang** telah dilahirkan di Malaysia pada tahun 2015 dan **30%** daripada jumlah tersebut menderita dengan penyakit *Necrotizing enterocolitis* NEC.
 - Kajian juga menunjukkan, sebanyak 50% dari jumlah bayi yang dijangkiti NEC akan melalui pembedahan yang boleh menggugat nyawa bayi pramatang.
 - Berdasarkan kajian yang telah dibuat selama **22 tahun** dalam bidang penyusuan susu ibu, telah menunjukkan bahawa dengan penggunaan susu ibu berlakunya penurunan sebanyak 50% jumlah bilangan bayi pramatang yang dijangkiti NEC. Cara yang paling mudah untuk mendapatkan susu ibu yang bersih dan selamat adalah melalui Bank Susu Seperti yang terdapat di barat.
 - Walau bagaimanapun, pemasalahannya ialah apabila Muzakarah Fatwa Kebangsaan tahun 2011 tidak mengharuskan penubuhan bank susu di Malaysia kerana dibimbangi berlakunya pertindihan mahram susuan.
- Untuk menyelesaikan masalah ini, UniSZA akan membangunkan Bank Susu Patuh Syariah yang komprehensif dan mempunyai sistem yang lengkap serta pertindihan mahram susuan dapat dielak.





5.ISU PENYUSUAN DENGAN MAHRAM NASAB

- Pasangan ibu bapa berhak untuk menyerahkan anaknya untuk disusui oleh wanita lain sama ada dengan bayaran upah mahupun tidak. Adakalanya anak tersebut diserahkan pada wanita yang tiada ikatan kekeluargaan dan tidak kurang juga, ada para ibu bapa lebih selesa menyerahkan anak mereka untuk disusui oleh ahli keluarga sendiri seperti disusui oleh kakak kandung, ibu saudara kandung, nenek kandung dan lain-lain ahli keluarga.
- Mereka ini sudah pun mempunyai ikatan mahram secara nasab dengan bayi yang telah disusui. Apakah yang akan terjadi kepada mereka sekiranya mereka ini diberikan susu ibu pula?



Penyusuan Kepada adik Kandung

Harus bagi seorang wanita menyusu adik beradik kandungnya sendiri. Perbuatan ini tidaklah menjatuhkan kehormatan dirinya. Jika berlaku penyusuan tersebut maka adik kandung yang disusuinya itu menjadi anak susuannya. Maka timbulah hukum hakam anak dan ibu susuan antara mereka berdua walaupun sebelum itu antara mereka berdua sudah mempunyai hubungan mahram melalui hubungan darah.

Sebagai contoh, jika seorang wanita menyusui adik perempuannya mengikut syarat-syarat penyusuan yang diakui oleh syarak, maka adik perempuannya itu telah menjadi anak susuannya. Suami kepada kakak tersebut tidak boleh lagi berkahwin dengan adik perempuannya itu jika mereka berdua bercerai hidup atau mati kerana dia dikira menjadi anak susu kepadanya. Kalau melihat kepada hukum asal bekas suami kakaknya harus berkahwin dengannya jika dia berpisah dengan kakaknya itu kerana dia dikira sebagai mahram sementara. Namun dengan wujudnya hubungan susuan tersebut, abang iparnya itu menjadi mahram kekal kepadanya. (Hito, 1994)





Penyusuan Kepada Cucu Kandung

Harus seorang wanita menyusui cucunya sendiri. Dengan berlakunya penyusuan antara seorang nenek dengan cucunya sendiri menurut syarat-syarat yang ditetapkan, maka cucunya itu menjadi anak susuannya. Dengan itu cucu itu menjadi mahram kepada anak-anak kandung dan anak-anak susuan kepada nenek tersebut. Walaupun sebelum itu anak susuan tersebut sudah mempunyai hubungan mahram melalui pertalian darah dengan anak-anak kandung neneknya dan dikira sebagai ibu dan bapa saudaranya.

Dalam kes ini juga terdapat satu lagi hukum yang akan timbul. Apakah hubungan antara anak-anak ibu dan bapa saudaranya itu (yang sekarang menjadi adik-beradik susuan dengannya)? Jawapannya ialah dia tidak boleh lagi berkahwin dengan mereka kerana kini mereka sudah menjadi anak saudara susuannya. Sedangkan dari segi hubungan darah mereka adalah sepupunya yang diharuskan berkahwin menurut hukum asalnya. Demikianlah besarnya peranan penyusuan dalam kehidupan seseorang muslim. Dia boleh mengubah hubungan sama seperti hubungan nasab. (Hito, 1994)





Penyusuan Kepada Anak Saudara

Penyusuan kepada anak saudara adalah sesuatu keadaan yang sering kali berlaku. Sekiranya seseorang ibu saudara menyusukan anak saudaranya melebihi 5 kali kenyang, maka anak tersebut secara automatik bertukar menjadi anaknya secara susuan. Maka anak saudara tersebut kini mempunyai 2 status hubungan kekeluargaan iaitu mahram secara nasab sebagai anak saudara dan sebagai anak susuan. Penyusuan ini akan memberi impak kepada hubungan kekeluargaan yang lain juga.

Jika sebelum ini, anak kepada ibu saudaranya adalah sepupu yang merupakan ajnabi yang boleh dikahwini, tapi kini sepupu tersebut telah menjadi adik-beradik susuan yang haram dikahwini. Demikian juga dengan suami emak saudaranya yang pada asal boleh dikahwini, tapi kini ia haram dikahwini kerana suami emak saudaranya itu telah bertukar menjadi bapa susuannya. Demikianlah besarnya implikasi penyusuan ini. Ianya boleh mengubah ikatan mahram secara nasab juga sekiranya cukup syarat-syaratnya. (al-Ghazali, 2001; al-Husayni, 1995; Ibn al-'Abbas, 1984)





6. ISU PEMBERIAN SUSU OLEH KHUNSA

- Khunsa ialah seseorang yang diragukan jenis kelaminnya sama ada lelaki atau perempuan. Ini kerana dia memiliki alat kelamin lelaki dan perempuan secara bersama ataupun tidak memiliki alat kelamin sama sekali, baik alat kelamin lelaki atau perempuan. Khunsa terbahagi kepada dua iaitu khunsa yang diketahui jantinanya dan khunsa *mushkil*.
- Khunsa yang diketahui jantina ialah kuntha yang jelas alat kemaluannya sama ada lebih terdorong ke arah lelaki atau wanita. Manakala khunsa *mushkil* ialah mereka yang mempunyai dua alat sulit iaitu alat sulit lelaki dan perempuan tetapi tidak boleh ditentukan sama ada lelaki atau perempuan. (Abdul Aziz Dahlan, 1996)



Pemberian Susu Oleh Khunsa Yang Diketahui Jantina

Bagi pemberian susu ini, ulama telah menetapkan syarat kepada wanita atau seseorang yang menyebabkan pengharaman disebabkan susuan. Pelbagai pendapat ulama dalam memberikan syarat wanita yang menyusui termasuklah masalah khunsa ini. Ulama telah bersepakat dalam menentukan hukum pemberian susu oleh khunsa yang diketahui jantinanya kepada seorang bayi adalah mengharamkan perkahwinan atau mensabitkan mahram sekiranya khunsa tersebut adalah seorang wanita atau perempuan.

Manakala sekiranya khunsa tersebut adalah lelaki, pengharaman tidak akan berlaku disebabkan susuan walaupun susuan tersebut banyak atau sedikit. (al-Shafie, t.th.; al-Mawardi, 1996) Pendapat ini juga telah difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei Darussalam berpandukan kitab *Mughni al-Muhtaj* yang menyatakan sekiranya dapat dipastikan jantinanya sah seorang perempuan sahlah susuan tersebut, sekiranya beliau lelaki maka tidak sah penyusuan tersebut. (Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darul Salam 2001; al-Sharbini, 1978)





Pemberian Susu Oleh Khunsa Yang Tidak Diketahui Jantina (Khunsa *mushkil*)


Berbeza pula pada khunsa yang tidak diketahui jantinanya atau khunsa *mushkil*. Ulama berbeza pendapat dalam menentukan penyusuan tersebut. Bagi pendapat sebahagian ulama mazhab Maliki penyusuan tersebut adalah sah dan mensabitkan mahram secara susuan menurut pendapat yang sahih. Manakala Mazhab Hanafi, sebahagian ulama mazhab Maliki, Shafie dan Hanbali menyatakan tidak sah penyusuan sekiranya *mushkil*. (al-Shafie, t.th.; al-Mawardi, 1996)

Pendapat yang *rajih* adalah pendapat adalah pandangan jumhur fuqaha' yang menyatakan tidak mensabitkan mahram susuan kerana susu daripada khunsa *mushkil* adalah sama seperti susu daripada seorang lelaki. (al-Zaydan, 2000)



7. ISU PENYUSUAN YANG DICAIR ATAU DIBEKUKAN

- Meminum susu cair dari payudara seseorang wanita jelas mensabitkan pengharaman mahram susuan. Sekiranya cukup syarat-syaratnya. Anak tersebut akan menjadi anak susuan kepada wanita tersebut. Persoalannya sekarang, sekiranya susu tersebut telah dibekukan sehingga menjadi keju, ketulan ais atau dicairkan adakah pengharaman tersebut masih berterusan?



Menurut Mazhab Shafie¹ penyusuan tersebut berlaku dan pensabitan mahram susuan juga berlaku walaupun ia dibekukan atau dicairkan. Susu tetap dipanggil susu walaupun ia dibekukan dan dapat mengenyangkan bayi jika dimakan. Mereka berdalilkan kepada hadis yang dinyatakan sebelum ini, bahawa penyusuan itu adalah dengan sebab kelaparan.

Kelaparan tersebut boleh dihilangkan sama ada dengan susu cair atau susu beku. Apa yang diharamkan semasa cair, maka ia juga akan diharamkan waktu beku. Perkara ini sama seperti arak dan najis. Ianya tetap membawa hukum najis walaupun arak tersebut berubah sifat menjadi arak beku dan sebagainya. Hukumnya tetap haram. Mereka berpendapat sesuatu yang berubah sifat tidak akan merubah sesuatu hukum yang telah ditetapkan. Mereka juga berpendapat, sekiranya susu cair boleh mengenyangkan bayi daripada kelaparan, maka susu yang telah menjadi keju atau beku lebih-lebih lagi mampu menghilangkan kelaparan. (al-Muti'i, t.th.)





Manakala Mazhab Hanafi pula berpendapat bayi yang memakan susu ibu yang beku atau dicairkan tidak disabitkan sebagai mahram susuan (al-Zayla'i, 2000). Ini kerana susu beku atau susu yang dicairkan tidak membawa kepada maksud penyusuan yang sebenar. Ini kerana susu tersebut tidak membawa maksud penyusuan daripada seorang ibu kepada seorang anak. Selain daripada itu susu yang telah dibekukan juga telah hilang namanya. Ia tidak lagi dipanggil susu sebaliknya dipanggil keju, susu cair dan sebagainya.

Apa yang penting susu yang pada asalnya adalah sejenis minuman yang mengenyangkan telah bertukar kepada makanan. Maka dengan perubahan tersebut ia tidak lagi mengharamkan (al-Zayla'i, 2000). Pendapat yang *rajih* adalah pendapat Mazhab Shafie kerana dalil mereka yang lebih kuat. Susu sama ada cair atau beku tetap datangnya daripada seorang wanita dan tetap mengenyangkan serta menumbuhkan tulang dan daging bayi. Maka penyusuan dengan cara ini adalah mensabitkan mahram susuan. (al-Shafie, t.th.)





Thank you



normadiah@unisza.edu.my

